

# Centre for Research on the Economics of Ageing



NEWSLETTER - ISSUE 5

SEPTEMBER 2017



## Kami Perlukan dan Hargai Jawapan Anda

Kami di CREA amat sibuk sejak beberapa bulan kebelakangan ini. Pada 14 Julai, kami telah mengadakan Mesyuarat Meja Bulat Kecelikan Mengenai Kewangan & Kesediaan Untuk Persaraan. Sebulan kemudian, pada 16 Ogos, kami telah menghoskan Mesyuarat Meja Bulat Perumahan.

Acara yang pertama telah menarik perhatian banyak agensi pemerintah, bank, syarikat insurans hayat, persatuan kewangan, pertubuhan bantu diri khusus kaum, dan institut kecekapan kewangan. Acara yang kedua telah dihadiri oleh kementerian, agensi pemerintah dan pusat penyelidikan.

Ramai bersetuju bahawa data yang telah dikumpulkan oleh pihak CREA amat berharga dan penting untuk penggubal dasar. Jadi kami mengucapkan TERIMA KASIH kepada anda, para responden kami.

Kini, kami telah pun melengkapi Panel Kehidupan Singapura® sepanjang dua tahun - itu merupakan 24 gelombang data yang hebat! Satu dalam tiga responden atau 3,600 responden handalan telah melengkapkan setiap satu daripada gelombang itu. Dua pertiga daripada responden kami telah melengkapkan lebih daripada jumlah tinjauan selama setahun.


Kami menerima kira-kira 8,000 jawapan lengkap setiap bulan. Dan ini pastinya membuat SLP satu tinjauan yang terbesar, paling kerap, sepanjang masa mengenai penuaan.

Kini kami ingin menunjukkan kepada anda penemuan yang telah didedahkan di mesyuarat meja bulat.

## Mesyuarat Meja Bulat Perumahan

Kami menggunakan data SLP yang bernilai dan dengan itu, kami dapat melihat garisan masa bila anggota panel itu berpindah rumah dan bagaimana ini menjelaskan persaraan mereka. Kami menghitung bagaimana keadaan para responden tua semasa mereka berpindah ke rumah semasa mereka dan inilah hasil penemuan kami.

### Berapakah Usia Responden Ketika Mereka Berpindah Ke Rumah Mereka Sekarang Ini?




Tidak mengejutkan bahawa kami melihat banyak aktiviti pada usia 35, apabila seorang responden tunggal menjadi layak untuk menerima geran HDB. Kami mempunyai 30 orang responden yang telah berpindah rumah pada usia 20 atau 21. Bayangkan bagaimana kejiranan mereka telah bertukar sejak itu!

# Kecelikan Kewangan dan Kesediaan Persaraan

Pada lewat tahun 2015, kami telah bertanyakan kepada anda beberapa soalan yang rumit tentang kadar faedah, inflasi dan risiko. Ini adalah kerana para penyelidik kami berminat untuk memahami bagaimana orang-orang yang mempunyai pengetahuan kewangan yang berbeza bersiap sedia untuk menghadapi persaraan. Kami mendapati bahawa anda mempunyai hasil yang lebih baik berbanding dengan orang-orang di Amerika Syarikat, Jepun dan New Zealand.

## Pengetahuan Kewangan

Berapa ramai responden telah mendapat markah penuh untuk soalan mengenai pengetahuan kewangan? Contohnya, "Betul atau Salah: Membeli satu saham syarikat biasanya memberikan pulangan yang lebih selamat daripada unit amanah."



Warga Singapura mungkin tidak begitu biasa dengan inflasi kerana harga-harga agak stabil di sini, dan orang ramai secara umumnya lebih prihatin dengan kadar tukaran mata wang.

## Mereka Yang Mempunyai Lebih Pengetahuan Kewangan



Penyelidik kami telah menemui bahawa para responden yang mempunyai lebih pengetahuan kewangan akan lebih cenderung untuk berada dalam keadaan kesihatan yang lebih baik, mempunyai strategi pelaburan yang lebih rumit dan berasa lebih yakin tentang persaraan mereka. Ketika mesyuarat meja bulat itu, Kementerian Pelajaran telah memberitahu kami tentang permainan mudah alih yang mereka gunakan untuk mengajar warga Singapura cara-cara untuk membuat keputusan mengenai kewangan yang tepat.

## Kerahsiaan dan Privasi Anda



Kami menganggap maklumat yang telah anda sediakan kepada kami dengan penuh kerahsiaan dan ini sejajar dengan pematuhan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2012 (PDA), di bawah rang undang-undang Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi Singapura.

## Tarikh Tinjauan

- Tinjauan Oktober:** 1 - 22 Oktober 2017
- Tinjauan November:** 1 - 19 November 2017
- Tinjauan Disember:** 1 - 24 Disember 2017

## Hubungi Kami

Jika anda telah menukar alamat atau nombor telefon anda, jika anda perlukan sebarang bentuk bantuan dalam melengkapi tinjauan, atau jika anda mempunyai sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Hotline **6808 7910** (9pg hingga 5ptg, Isnin hingga Jumaat) atau melalui emel di [slp@smu.edu.sg](mailto:slp@smu.edu.sg). Kami sentiasa bersedia mendengar dari anda.